

20/04/1997

Rakyat perlu terima perubahan

Ahmad Zaini Kamaruzzaman; Hassan Omar

KUALA KEDAH: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, rakyat perlu bersedia menerima perubahan sejajar dengan pembangunan yang dilaksanakan kerajaan serta perkembangan semasa.

Menurut Perdana Menteri, rakyat tidak harus terus berpuas hati dengan keadaan sedia ada, sebaliknya perlu menyesuaikan diri dengan perubahan dan keadaan untuk memajukan taraf kehidupan.

Beliau berkata, walaupun kehidupan semakin berubah ke arah yang lebih baik, terutama di kalangan orang Melayu, masih ada yang hidup cara lama dalam keadaan serba kekurangan.

Justeru, beliau meminta semua pihak terutama rakyat miskin dan tinggal dalam keadaan tidak memuaskan, supaya menerima perubahan yang dilaksanakan kerajaan untuk pembangunan rakyat dan negara.

Beliau berkata, kerajaan melaksanakan sesuatu projek untuk memberi kemudahan kepada rakyat, sekali gus membolehkan mereka menikmati kemakmuran dan kekayaan negara.

Untuk itu, katanya, rakyat harus berfikiran terbuka bagi menerima pembaharuan, walaupun ia pada awalnya tidak dipersetujui sesetengah pihak.

Dr Mahathir berkata, kerajaan yang sentiasa peka kepada masalah setingan juga berusaha meningkatkan mutu kehidupan golongan itu dengan membina penempatan semula membabitkan perbelanjaan berjuta-juta ringgit.

"Kerajaan tahu setingan tidak ada duit dan kerajaan mencari jalan membantu mereka mendapatkan rumah pada harga murah.

"Rakyat tidak harus bimbang dengan kemajuan yang dibawa kerana kerajaan tidak pernah menganiayai rakyat," katanya ketika berucap sempena lawatannya di tapak penempatan semula nelayan Kuala Kedah, di sini semalam.

Majlis itu dihadiri kira-kira 2,000 penduduk Kuala Kedah dan sekitarnya. Turut hadir ialah Menteri Besar, Datuk Seri Sanusi Junid, Ahli Parlimen Kuala Kedah, Datuk Zakaria Said, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) dan pegawai kerajaan negeri.

Kawasan seluas kira-kira 26.4 hektar itu dicadangkan sebagai penempatan semula kira-kira 600 nelayan di beberapa kampung sekitar Kuala Kedah. Cadangan projek itu dilaksanakan Ekran Bhd dengan pembinaan empat blok rumah pangsa lapan tingkat, 10 blok lapan tingkat dan 11 blok 12 tingkat.

Keseluruhan 2,112 unit rumah pangsa itu juga menyediakan 1,655 lot kawasan letak kereta, sebuah balai polis, dewan orang ramai, taman bimbingan kanak-kanak, masjid, kedai dan kawasan rekreasi.

Dr Mahathir juga berkata, bagi menjayakan projek itu, nelayan terbabit harus memberi kepercayaan kepada Sanusi dan tidak perlu mengemukakan rayuan bagi menolak projek itu kerana selain bertujuan menyediakan kemudahan bagi kehidupan lebih sempurna, ia juga bakal meningkatkan pendapatan mereka.

(END)